



---

**RABU, 30 OKTOBER 2024  
UNTUK SIARAN SEGERA**

## **CAAM TIDAK PERBAHARUI SIJIL PERAKUAN GIAAN FLYING ACADEMY**

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan tidak memperbaharui Sijil Perakuan (COA) GIAAN Flying Academy Sdn. Bhd. (GFA) yang akan tamat pada 31 Oktober 2024, disebabkan ketidakmampuan akademi latihan penerbangan itu menangani hasil dapatan beberapa siri audit yang telah dilaksanakan oleh CAAM selaras dengan peruntukan di bawah peraturan 189, Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.

Berikutan itu, GFA tidak lagi diperakukan untuk beroperasi sebagai Organisasi Latihan Diluluskan (ATO) dan tidak boleh melaksanakan sebarang kursus latihan yang disenaraikan di bawah spesifikasi latihan COA.

Keputusan ini adalah ekoran ketidakmampuan GFA menangani hasil dapatan audit pembaharuan yang dilaksanakan CAAM pada Disember 2023 berkaitan pematuhan ATO dan isu keselamatan. Susulan itu, GFA telah digantung sementara selama 90 hari bermula 29 Disember 2023 hingga 28 Mac 2024.

Selepas tamat tempoh penggantungan itu, GFA diberi peluang untuk menangani hasil dapatan audit dengan bersyarat selama enam bulan bermula 29 Mac 2024. Walau bagaimanapun, GFA masih gagal membetulkan kesemua dapatan audit tersebut semasa proses audit pembaharuan sijil yang dilaksanakan pada Julai 2024 dan seterusnya menjelaskan pematuhan GFA terhadap keperluan yang ditentukan dalam *Civil Aviation Directive (CAD) 1011 -ATO*. Sehubungan itu, CAAM mengambil keputusan untuk tidak memperbaharui Sijil Perakuan GFA yang berakhir esok.

Sebagai badan kawal selia teknikal bagi industri penerbangan di Malaysia, CAAM komited dalam memastikan hanya syarikat pengendali yang mematuhi segala peraturan dibenarkan untuk beroperasi.

**DATO' KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD**

Ketua Pegawai Eksekutif

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia